



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	21/9/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	KeTSA/JPSM			

# 156 kes pembalakan haram dikesan

**Kuala Lumpur:** Kementerian Tenaga dan Sumber Asli mengakui masalah pembalakan haram bukan isu baharu kerana sudah berlaku sejak sekian lama.

**Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan** berkata, kerajaan sudah mengarahkan agensi perhutanan Persekutuan dan negeri untuk terus meningkatkan tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti haram di hutan seluruh negara.

Menurutnya, sehingga 31 Julai lalu sebanyak 26 kes membabitkan pembalakan haram dikesan di Semenanjung, manakala masing-masing

37 kes dan 93 kes di Sabah dan Sarawak.

"Kementerian menjalankan pemantauan aktiviti pembalakan khusus di hutan simpan kekal menerusi pelbagai agensi seperti Jabatan Perhutanan di peringkat Persekutuan dan negeri.

"Kementerian juga sedang membuat perancangan untuk meminda Akta Perhutanan Negara dan Enakmen Hutan di Sabah dan Sarawak untuk mencegah aktiviti pembalakan haram dan kesalahan hutan lain," katanya ketika sesi jawab lisan di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan diemukakan **Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Port Dickson)**.

Dalam soalnya, Anwar meminta sejauh mana pemantauan kementerian terhadap aktiviti pembalakan di kawasan hutan simpan dan apa tindakan diambil untuk kes pelanggaran.

Takiyuddin ketika menjawab soalan tambahan dikemukakan Sabri Azit (Pas-Jerai) memaklumkan kerajaan memperuntukkan RM75 juta untuk proses restorasi semula Hutan Simpan Gunung Jerai yang musnah dalam kejadian kepala air ba-

ru-baru ini.

Menurutnya, kerajaan Kedah juga mengesahkan tiada sebarang aktiviti pembalakan haram dikesan di kawasan Gunung Jerai yang dikatakan menjadi punca kejadian kepala air.

"Saya sendiri sudah melawat kawasan kejadian dan ada pokok balak yang dihanyutkan bersama dengan akar dan ini bermakna ia bukan disebabkan pembalakan haram.

"Kawasan Gunung Jerai juga sudah digazetkan sebagai Geopark Kebangsaan menjadikan tiada sebarang aktiviti usaha hasil boleh dijalankan," katanya.



KERAJAAN memperuntukkan RM75 juta untuk proses restorasi semula Hutan Simpan Gunung Jerai yang musnah dalam kejadian kepala air.